

**KEDAULATAN WATAN TERAS JATI DIRI BANGSA DARI PERSPEKTIF  
PERLEMBAGAAN TERENGGANU**

**[INDIGENOUS SOVEREIGNTY AS THE NATIONAL CORE-IDENTITY FROM  
THE TERENGGANU CONSTITUTION PERSPECTIVE]**

WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Institut Tamadun & Kajian Strategik, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia, Email: wanfauzi@ump.edu.my

*Received: 15 Januari 2021*

*Accepted: 20 Febuari 2021*

*Published: 6 Mac 2021*

**Abstrak:** Jati diri bangsa itu dibina oleh unsur-unsur watan yang berakar umbi dalam sesebuah negara. Malaysia adalah sebuah persekutuan terdiri daripada negeri-negeri berdaulat yang wujud jauh lebih awal daripada penubuhannya pada tahun 1963. Sejajar dengan itu, bangsa Malaysia sudah pasti perlu mencerminkan identiti anggota-anggotanya. Kerangka yang paling legitimat untuk menentukan jati diri sebuah bangsa itu adalah perlembagaannya. Justeru, makalah ini bertujuan untuk meninjau pemakaian konsep kedaulatan yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka dalam Perlembagaan Terengganu. Pemakaian konsep tersebut ditelusuri melalui empat aspek, iaitu, pertama, raja adalah pemerintah kerajaan merdeka; kedua, pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan; ketiga, pemerintah naik takhta atas syura dan bai'ah; keempat, pemakaian prinsip kedaulatan watan. Makalah ini menggunakan pendekatan analisis teks perlembagaan Terengganu iaitu *Itqanul Muluk* dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Dapatan menunjukkan bahawa kedaulatan watan Tanah Melayu diterima pakai dalam perlembagaan Terengganu dengan sempurna. Oleh demikian, elemen-elemen utama watan iaitu Islam dan kedudukan Raja-Raja Melayu perlu dipelihara dan diberi keutamaan dalam pembinaan jati diri bangsa..

**Kata Kunci:** kedaulatan watan; jurisprudens watan; undang-undang watan; pengamanahan kedaulatan; *Itqanul Muluk*; Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.

**Abstract:** The core-identity of a nation is built by the indigenous elements rooted in a country. Malaysia is a Federation comprised of the sovereign States that existed far earlier than it was set up in 1963. Correspondingly, Malaysia as a nation must undoubtedly reflect the core-identity of their members. The legitimate framework to determine the core-identity of a nation must be its Constitution itself. Thus, this paper aims to explore the application of the concept of sovereignty inherited from the Sultanate of Malacca in Terengganu Constitution. The application of the above concept is viewed from four aspects, namely; First, the ruler is the head of an independent Government; Second, the ruler remains in Islamic faith; Third, the ruler is installed upon shura and bai'ah; Forth, the application of principles of the indigenous sovereignty. This article uses text analysis of Terengganu Constitution namely *Itqanul Muluk* and Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. The findings show that the indigenous sovereignty of Malaya was fully adopted in Terengganu Constitution. Therefore, the core-elements, namely, Islam and the position of the Malay rulers need to be preserved and given priority in the building of national identity.

**Keywords:** Indigenous sovereignty; watanic jurisprudence; law of the land; sovereign trust; *Itqanul Muluk*; Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.

**Cite This Article:**

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2021). Kedaulatan watan teras jati diri bangsa dari perspektif Perlembagaan Terengganu [Indigenous sovereignty as the national core-identity from the Terengganu Constitution perspective]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 1-18.

**PENGENALAN**

Isu 'Bangsa Malaysia' semakin dijadikan satu hujah oleh mereka yang diberikan kewarganegaraan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 untuk mencaturkan 'survival' kepentingan mereka. Malangnya, tuntutan yang dikemukakan lebih bersifat etnik sehinggakan mempertikai elemen-elemen watan yang sepatutnya dihormati oleh semua pihak. Elemen-elemen watan itu adalah Islam, kedudukan Raja-raja Melayu, bahasa Melayu dan hak keistimewaan orang-orang Melayu. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan konsep kedaulatan menurut perspektif perlembagaan Terengganu kerana konsep itu adalah kerangka undang-undang yang menentukan batas dasar dan polisi politik tempatan. Pada paras umum, kedaulatan adalah merujuk konsep kuasa agung yang mencorakkan prinsip perundangan dalam entiti politik, iaitu konsep kuasa agung yang tidak dilucut oleh mana-mana kuasa sama ada dalaman atau luaran; untuk melaksanakan keputusan politik, menggubal dan menguatkuasakan undang-undang berdasarkan kedaulatan watannya; dan kedudukan tersebut perlu dihormati oleh semua pihak dalam wilayah kekuasaannya kerana di situlah lahirnya keluhuran undang-undang (*rule of law*).

Oleh kerana kedaulatan itu berposisi seperti yang dinyatakan di atas, maka sudah pasti kedaulatan itu adalah kerangka undang-undang yang membentuk dan melestarikan jati diri suatu bangsa. Makalah ini menggunakan pendekatan analisis teks perlembagaan Terengganu iaitu *Itqanul Muluk* dan Undang-Undang Bagi Diri Terengganu untuk menonjolkan ciri-ciri kedaulatan yang mempunyai implikasi kepada pembinaan jati diri bangsa.

**SOROTAN LITERATUR**

Kedaulatan watan adalah istilah yang diperkenalkan dalam buku berjudul '*Konsep Kedaulatan Watan: Suatu Pengenalan*' (Wan Ahmad Fauzi 2017a). Kedaulatan watan adalah prinsip pemerintahan di Tanah Melayu merangkumi sistem politik dan undang-undang bercirikan ajaran Islam. Konsep kedaulatan Watan diperkukuhkan lagi dalam tesis kedoktoran falsafah undang-undang berjudul '*Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut Sejarah Perundangan*' (Wan Ahmad Fauzi 2018a). Secara konseptual, kedaulatan watan mendukung kedaulatan undang-undang berprinsipkan patuh syariah. Kelangsungan kedaulatan watan dalam mana-mana undang-undang tubuh kerajaan atau perlembagaan di Malaysia diabsahkan melalui empat aspek, iaitu; pertama, raja adalah pemerintah kerajaan merdeka; kedua, pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan; ketiga, pemerintah naik takhta atas syura dan bai'ah; keempat, pemakaian prinsip kedaulatan watan.

Tidak dinafikan terdapat banyak kajian lepas seperti *A History of Malaysia*. (Andaya & Andaya 1984), *Islam dan Beberapa Pengaruh dalam Sistem Politik Melayu Tradisi* (Mohd Idrus Jusi 1975), *The Malay Sultanate of Malacca* (Muhammad Yusoff 1992), *The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions* (Lopez 2001) dan *History*

of Malaya (Kennedy 2007) begitu juga dalam Kes Che Omar Che Soh lawan Pendakwa raya (1988) yang menyifatkan Raja Melayu berposisi sebagai khalifah atau bayangan Allah di muka bumi dalam sistem politik tradisional, namun mereka tidak membahaskannya dari sudut kedaulatan secara mendalam. A. Aziz Deraman (2000) dalam *Tamaddun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu* pula ada menyentuh tentang kedaulatan, tetapi dari sudut sosial memfokuskan pada kepentingan kedaulatan untuk mengekalkan negara-bangsa seperti kedaulatan dan hubungan antarabangsa, kedaulatan dan faktor kepimpinan, kedaulatan dan perpaduan rakyat juga kedaulatan dan pengekaln identiti budaya bangsa. Berbeza dengan perbincangan dalam makalah ini, kedaulatan watan ditakrifkan dari sudut kerangka undang-undang yang mempunyai implikasi terhadap sistem politik dan prinsip undang-undang dalam perlembagaan sebuah kerajaan.

Selain daripada kajian Wan Ahmad Fauzi (2017) dan Wan Ahmad Fauzi (2018a) di atas, kajian yang menyentuh kedaulatan watan diulas dalam makalah berjudul '*Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan*' (Wan Ahmad Fauzi et al 2017b). Ulasan kedaulatan watan oleh Wan Ahmad Fauzi et al. adalah untuk mentafsirkan istilah Islam dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Kajian yang mengupas kedaulatan dari sudut implikasinya terhadap Perlembagaan Persekutuan boleh didapati dalam makalah berjudul '*Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu menurut Kerangka Peribumi*' (2017c). Selanjutnya perbincangan lebih luas mengenai kedaulatan pada sisi Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh sama huraian dari sudut kerangka Kontinuum dan dikotomi dikupas dalam buku berjudul '*Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan*' (Wan Ahmad Fauzi: 2018b). Buku terbaharu mengenai aspek perbincangan kedaulatan watan dari perspektif isu-isu semasa terdapat dalam buku berjudul '*Jurisprudens Watan Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan*' (Wan Ahmad Fauzi (2018c) dan Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan (2021). Kesemua kajian mengenai kedaulatan watan yang ada saling mengukuh konsep dan prinsipnya antara satu sama lain.

Secara umumnya, makalah ini menjadikan empat aspek yang digagaskan oleh Wan Ahmad Fauzi (2018a) sebagai syarat keabsahan kedaulatan watan dalam suatu undang-undang tubuh atau perlembagaan sebuah Negeri di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Makalah ini menggunakan kaedah jurisprudens watan. Jurisprudens watan ialah metode kajian berlandaskan sejarah perundangan tempatan melalui penyelidikan mendalam serta pemerhatian fakta-fakta sejarah berkaitan dan dokumen-dokumen perundangan secara kualitatif dalam kerangka prinsip kedaulatannya. Data-data empirikal dianalisis untuk menghuraikan isu-isu berkaitan aspek-aspek kedaulatan watan dalam teks kajian. Teks kajian yang dirujuk adalah *Itqanul Muluk* dan *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*.

*Itqanul Muluk* atau nama penuhnya *Itqanul Muluk Bi Ta'adi al-Suluk* adalah perlembagaan bertulis Kerajaan Melayu Terengganu yang dimasyhurkan pada 2 November 1911. *Itqanul Muluk* digubal sebagai tindakan tersusun untuk memelihara unsur-unsur watan dalam pemerintahan Negeri, iaitu kedudukan Islam, orang Melayu Terengganu, kedudukan

Sultan dan waris Kesultanan Terengganu juga prinsip pemerintahan Islam daripada ancaman kuasa asing, khususnya British.

*Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* adalah lanjutan daripada Itqanul Muluk yang dimasyhurkan oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah atas persetujuan Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri pada 1 Februari 1948, dan diikuti pula dengan Bab Kedua pada 9 Ogos 1950. Penginstitusian perlembagaan tambahan di atas dibuat selaras dengan persetujuan dalam Perjanjian Negeri bertarikh 21 Januari 1948. Pada hari ini, perlembagaan Terengganu dikenali sebagai *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* yang terbahagi kepada bab pertama dan bab kedua.

Peruntukan perlembagaan bertulis di atas dianalisis satu per satu dari sudut empat aspek yang dinyatakan. Setelah peruntukan-peruntukan berkaitan dihimpunkan dalam kumpulan empat aspek, penilaian dibuat secara bandingan di antara peruntukan nyata dengan ciri-ciri kedaulatan watan.

Dapatan yang dicapai mempunyai kewibawaan kerana ciri-ciri kedaulatan watan dan kerangka konseptual yang digagaskan oleh Wan Ahmad Fauzi (2018a) sudah disahkan pada peringkat ijazah kedoktoran falsafah undang-undang. Penilaian terhadap setiap peruntukan juga tidak menimbulkan sebarang masalah teknikal kerana kaedah tafsiran secara literal sesuai diguna pakai, peruntukan-peruntukan yang disoroti amat jelas menunjukkan maksudnya.

## **KEDAULATAN WATAN**

Perbezaan antara kedaulatan menurut pemikiran Barat dengan Islam adalah dari sudut sumber kedaulatan. Pemikiran Barat meletakkan kedaulatan itu pada manusia atau entiti tertentu seperti parlimen dan mensyaratkan pemegang kedaulatan itu mestilah bersifat mutlak, bebas dan merdeka apabila membuat keputusan. Sebaliknya, pada sisi Islam, kedaulatan mutlak itu hanyalah milik Allah SWT, sementara pemerintah hanyalah berposisi sebagai pemegang amanah, jauh sekali bersifat mutlak. Bebas dan merdeka menurut kaca mata Islam adalah suatu kebebasan untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.

Justeru, perlu juga difahami bahawa kerajaan yang berdaulat adalah tidak terjajah, begitu juga seorang raja yang masih memiliki kedaulatan, kerajaan baginda belum boleh disifatkan terjajah. Penjajahan hanya berlaku sekiranya sebuah kerajaan itu tewas akibat peperangan dan konsep kedaulatannya itu digantikan dengan ciri-ciri yang berbeza. Pada sisi lain, sebuah kerajaan yang tunduk pada kuasa asing tetapi masih mengekalkan ciri-ciri kedaulatan asalnya, masih belum boleh dikatakan terjajah. Bagaimanapun menurut kaca mata Islam, kedaulatan bersumberkan ajaran Islam tidak boleh terlucut kerana ia adalah milik Allah SWT. Kedaulatan bersumberkan ajaran Islam hanya boleh tergantung (*suspended*) apabila berlaku sekatan untuk melaksanakan perintah Allah SWT. Ini kerana tanggungjawab untuk melaksanakan perintah Allah SWT adalah kekal abadi dan tidak boleh dihapuskan oleh sesiapa. Sekiranya ia tergantung, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk mengembalikannya semula.

Kedaulatan Tanah Melayu seperti dijelaskan oleh *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan* (Wan Ahmad Fauzi, 2017a) merujuk kepada kerangka kedaulatan bersumberkan Islam yang terbina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, berlaku lebih awal atau terkemudian daripada itu.

Justeru Kedaulatan watan Tanah Melayu adalah konsep kekuasaan agung bersumberkan Syariat Islam yang mengimani bahawa hak penggubalan undang-undang tertinggi adalah milik mutlak Allah SWT seperti dijelaskan dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Berasaskan kerangka konsep itu, maka:

1. kepemimpinan manusia, termasuk Raja Melayu, adalah berposisi sebagai Khalifah, atau pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT.
2. Konsep kedaulatan menggariskan dasar-dasar umum sistem dan prinsip perundangan yang menjadi panduan mandatori kepada manusia sepanjang zaman.

Berdasarkan premis di atas, Raja-raja Melayu berkedudukan sebagai ‘wakil Allah di atas bumi’ (*God's vicegerent*), raja diamanahkan kuasa untuk melaksanakan pemerintahan berdasarkan undang-undang yang diwahyukan Allah SWT dan menguatkuasakan undang-undang tersebut. Kalimah syahadah yang dilafazkan oleh Raja-raja Melayu adalah testimoni penting pelestarian kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam. Dalam kalimah syahadah itu terkandung pengakuan ‘tauhid Uluhiyyah’ (*legislative sovereignty*) yang diistilahkan dalam sains politik sebagai kedaulatan politik. Tauhid Uluhiyyah menurut Arieff Salleh dan Yahaya (2015) bermaksud seseorang yang beriman dengan agama Islam wajib menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT. Hanya Allah SWT yang berkuasa mutlak. Kedaulatan politik itu berkait rapat dengan kehendak Allah SWT, iaitu hanya Dia sahaja mempunyai kuasa mutlak agung untuk menentukan hukum ibadat dan undang-undang di dunia ini, termasuklah hak menggubal undang-undang bagi sesebuah negeri. Namun begitu itu tidak bermaksud manusia tidak boleh menterjemahkan undang-undang Allah SWT dalam bentuk kontemporari dalam ruang lingkup yang diizinkanNya. Anutan aqidah Islam amat penting kerana Islam itu adalah ad-Din (*way of life*).

Dari sisi pegangan hidup sebagai penganut Islam, Raja-raja Melayu tidak boleh melucutkan kewajipan baginda untuk mematuhi perintah Allah SWT apatah lagi mereka berkedudukan sebagai ketua agama dan pemerintah tertinggi. Tanggungjawab seorang raja sebagai pemerintah untuk melaksanakan hukum Allah SWT dijelaskan dalam Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah (5: 45), “*Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang zalim.*” Walaupun pada konsep moden kedaulatan itu dinyatakan sebagai milik Raja-raja Melayu, pemilikan kedaulatan tersebut pada hakikatnya satu amanah. Menurut al-Qardhawi (2009), kedaulatan mutlak itu adalah milik Allah SWT semata-mata. Raja atau pemerintah atau pemimpin dalam Islam berposisi sebagai khalifah atau wakil Allah SWT yang meneruskan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin negara. Seorang raja atau pemerintah memegang kedaulatan milik mutlak Allah SWT dalam bentuk satu amanah (*sovereign trust*) sesuai dengan Firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran (3: 26) yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad); Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan

Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Kedaulatan berbentuk pengamanahan inilah yang menjelaskan sifat-sifat kedaulatan watan Tanah Melayu berteraskan ajaran Islam dan mengekalkan kuasa tersimpan (*reserve powers*) pada diri seorang raja yang menganut ajaran Islam. Stockwell (1979, 75) menyatakan, “*Traditionally, the Sultan was regarded as the fount of all law and government and the head of religion; he defended the adat (custom) the very fabric of Malay society, and was God’s vicegerent in the world*”. Kedudukan raja sebagai bayangan Allah di atas muka bumi itu pada hakikatnya menjelaskan konsep kedaulatan watan yang berteraskan ajaran Islam. Islam yang dimaksudkan di sini adalah bersumberkan al-Qur’an dan al-Sunnah seperti takrifan al-Maududi:

*Islam is not just about a mere collection of dogmas and rituals but it is a complete way of life covering all fields of human activities, may they be private or public, legal, political, economic, social, cultural, moral or judicial. This way of ordering the life with all the precepts and moral standards is based on divine guidance through His prophets and the last of such guidance is the Quran and the last messenger is Mohammad SAW whose conduct and utterance are revered. (see S Abdul A’la al-Maududi, The Islamic Law and Constitution March, 7<sup>th</sup>. Ed) (Farid Suffian Shuaib et al, 2001: 4).*

## ATTESTASI KEDAULATAN WATAN TERENGGANU

Perlembagaan bertulis bagi negeri Terengganu diinstitusikan sebelum British campur tangan dalam hal-ehwal negeri Terengganu. Istilah campur tangan perlu dibezakan dengan maksud kerjasama. Campur tangan hanya bermula apabila doktrin nasihat diperkenalkan dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu melalui perjanjian. Sebagai contohnya, Kerajaan British mengikat perjanjian pertama dengan Terengganu pada tahun 1910 bagi maksud, “bahawa kedua-dua Kerajaan akan saling membantu.” Oleh kerana Kerajaan British, “mengaku janji bagi pihak dirinya untuk melindungi Kerajaan dan Negeri Terengganu dan segala wilayah tanggungannya daripada serangan musuh asing...” sudah pasti beberapa bentuk balasan yang dipersetujui seperti dalam bentuk sekatan diplomatik bersifat politik itu bukanlah satu campur tangan. Berbeza dengan Perjanjian 1919 yang diperbuat setelah pemasyhuran *Itqanul Muluk*, sebuah perlembagaan bertulis berbentuk moden pada tahun 1911, terlihat jelas niat British untuk campur tangan melalui pengenalan doktrin nasihat. Perlembagaan bertulis dalam bentuk moden itu adalah satu langkah bijak berhemat yang diambil oleh Kerajaan Melayu Terengganu setelah menyaksikan pengalaman campur tangan British di dalam hal ehwal Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Menurut Hinsley (1966: 1), seorang pakar sains politik Barat, “kedaulatan itu tidak sinonim dengan kuasa, kedaulatan itu adalah sebuah konsep yang tidak boleh hilang atau dituntut, lupus atau bertambah.” Kenyataan Stockwell (1979: 75), “*Traditionally, therefore, the Malay Sultan was regarded as the fount of all law and government and the head of religion; he defended the adat (custom) and the structure of Malay society. Others might exercise his power, carry out his duties or guide him with his policies but the justification for all authoritative*

*actions lay in the sovereignty of the Malay rulers*” tuntas menjelaskan apa yang berlaku sepanjang tempoh campurtangan British di Tanah Melayu.

Menurut Wan Ahmad Fauzi (2017a) pemakaian dan kesinambungan konsep kedaulatan watan Kesultanan Melayu Melaka dalam kerangka politik sebuah kerajaan Melayu dapat dihuraikan melalui empat aspek berikut:

1. Raja adalah pemerintah sebuah kerajaan merdeka.
2. Pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan.
3. Pemerintah naik takhta atas syura dan bai’ah.
4. Pemakaian prinsip kedaulatan watan.

Dokumen yang paling berwibawa untuk membuktikan kelangsungan empat aspek di atas adalah perlembagaan Terengganu itu sendiri.

### ***Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu***

Pada 1 Februari 1948 atas nasihat dan persetujuan ahli-ahli Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat (*State Council*), maka Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III memasyhurkan *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)* sebagai tambahan kepada *Itqanul Muluk*. Seterusnya pada 9 Ogos 1950, dimasyhurkan pula *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)*. Penginstitusian *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)* dibuat selaras dengan Perjanjian Negeri Terengganu 1948 bertarikh 21 Januari 1948. Attestasi kedaulatan watan dalam Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dikemukakan seperti berikut:

*Pemerintah itu adalah ketua sebuah kerajaan yang merdeka:*

Sultan Ismail Nasiruddin Shah adalah Sultan Terengganu yang menandatangani Perjanjian Negeri Terengganu 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Kedudukan sultan sebagai pemegang kuasa kedaulatan dijelaskan dalam Fasal 4 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)* yang menyatakan, “Duli Yang Maha Mulia itu ialah Raja dan yang memiliki sekalian kuasa Kerajaan di dalam Negeri Terengganu dan sekalian jajahan takluknya dan ialah ketua di atas segala pangkat dan darjat di dalam Negeri dan Kerajaannya.” Fasal 8 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)* menjelaskan bahawa, “kuasa pemerintahan Negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi kerja-kerja menjalankan kuasa itu bolehlah dikurniakan menurut undang-undang kepada orang lain atau pihak-pihak yang berkuasa lain.” Fasal 9 pula menjelaskan bahawa segala kuasa pemerintahan di dalam Negeri hendaklah dibuat atas nama Sultan Terengganu. Sebagai sebuah Negeri yang merdeka, Kerajaan Melayu Terengganu mempunyai lambang-lambang kebesaran seperti yang dinyatakan dalam Fasal 7 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)*. Menurut Fasal 26 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)*, kuasa undangan negeri Terengganu terletak pada sultan dan Dewan Undangan Negeri.

*Pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan:*

Seperti dijelaskan Sultan-sultan Terengganu sehingga hari ini adalah beragama Islam, iaitu agama watan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Islam adalah syarat untuk dilantik dan menjadi Sultan Terengganu. Fasal 5 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)* menyatakan, “Maka Sultan yang memerintah Kerajaan Terengganu hendaklah selamanya daripada lelaki yang beragama Islam dan daripada bangsa Melayu...” Selain beragama Islam, seorang sultan dimestikan mempunyai akhlak yang mulia. Itu dinyatakan dalam Fasal 6(2), “Seseorang itu tiadalah layak menjadi sultan jikalau ia ditimbangkan dan ditetapkan oleh Dewan Pangkuan Diraja, ada kecacatan yang besar yang menyalahi sifat raja seperti gila, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat kekejian yang tiada dibenarkan oleh Syarak menjadi sultan atau raja.”

Selain berperanan sebagai seorang sultan, iaitu pemerintah tertinggi yang diwajibkan beragama Islam, baginda juga berkedudukan sebagai ketua agama Islam. Kedudukan itu dinyatakan dalam *Fasal 4(1) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)*, “Maka Ketua Agama bagi Negeri ini ialah Duli Yang Maha Mulia ..” Islam bukan sahaja agama bagi Negeri seperti diperuntukkan dalam Fasal 3 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama)* bahkan sumber utama perundangan Islam iaitu *al-Qur’an, al-Sunnah, Ijma* dan *Qiyas* ditetapkan dalam Fasal 3A sebagai rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan Syariah.

*Pemerintahnya naik takhta atas syura dan bai’ah:*

Dewan Pangkuan Diraja Terengganu adalah sebuah badan atau syura yang ditubuhkan di bawah Fasal 19 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)* bukan sahaja untuk menasihati Sultan Terengganu, bahkan mempunyai kewajipan untuk memilih dan mengangkat ganti sultan. Fasal 19(1) menyatakan:

Ada pun Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang dipanggil di dalam bahasa Inggeris “*the Council of Terengganu Royal Court*” adalah ditubuhkan kerana menjalinkan kuasa-kuasa dan mengerjakan kewajibannya yang diberi dan diletakkan ke atasnya oleh Undang-undang ini dan membantu serta menasihati Duli Yang Maha Mulia di dalam menjalankan kewajipan Baginda.

Pelantikan seorang sultan dijelaskan melalui Fasal 6(1) *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)*, iaitu:

Dengan serta-merta lepas daripada mangkat seorang sultan ataupun ia menarik diri atau diturunkan ia daripada takhta Kerajaan maka seorang Gantinya hendaklah dipilih dan dilantikkan oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan pelantikan yang sebegitu hendaklah dimasyhurkan dengan serta-merta kepada penduduk-penduduk Negeri dan Ganti yang tersebut hendaklah kemudiannya ditabalkan menjadi sultan menurut adat istiadat Negeri.



Kesemua ahli Dewan Pangkuan Diraja seperti diperuntukkan dalam Fasal 19(2) hendaklah beragama Islam. Keputusan pemilihan ganti sultan hendaklah melalui undi dua pertiga. Syarat itu dinyatakan dalam Fasal 6(3)(b), “Tiadalah sesuatu keputusan itu menjadi sah dan terikat melainkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang hadir dan mengundi itu bersetuju di atasnya.” Pelantikan ganti sultan seperti dinyatakan oleh Fasal 6(1) kemudiannya disempurnakan melalui pertabalan. Istiadat itu amat penting kerana adat istiadat itu melambangkan bai’ah antara sultan dengan rakyat.

*Pemakaian prinsip kedaulatan watan:*

Ciri-ciri yang disebut sebelum ini adalah sebahagian daripada konsep kedaulatan watan, sejajar dengan itu, Fasal 5 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* menghendaki Sultan Terengganu memerintah dengan adil dan menurut undang-undang:

Duli Yang Maha Mulia hendaklah melaku membawa diri Baginda kepada semua rakyat Baginda dan kepada semua orang yang duduk di dalam Negeri dengan keadaan adil dan memerintah menurut undang-undang. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya, ditahan atau dipenjara akan dia melainkan dengan mengikut perjalanan undang-undang. Kebebasan dan kemerdekaan segala orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang itu adalah asas bagi kesemua Kerajaan yang baik.

Dalam melaksanakan urusan pemerintahan, terdapat empat badan utama bertaraf syura yang menasihati juga membantu baginda sultan; iaitu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (*Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* Fasal 14(1)), Dewan Pangkuan Diraja (*Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Kedua)* Fasal 19), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (*Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* Fasal 4(1)) dan Dewan Undangan Negeri (*Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* Fasal 26). Ini membuktikan bahawa amalan syura diteruskan dalam sistem politik Kerajaan Melayu Terengganu pada hari ini. Sebagai tambahan kepada penerimaan kedaulatan watan melalui syarat-syarat di atas, dalam Fasal 63 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* menyatakan, “Melainkan sebagaimana disebut di dalam ini maka Undang-undang ini tiadalah boleh menyentuh kedaulatan hak-hak dan kuasa Duli Yang Maha Mulia” adalah pengesahan kepada kuasa tersimpan (*reserve power*) seorang sultan untuk memelihara kesucian ajaran Islam. Fasal 63 di atas adalah penegasan Sultan Terengganu sebagai seorang raja berdaulat yang perlu dibaca bersama-sama dengan *preamble Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)*, “*In the name of GOD, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to GOD, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of GOD be upon Our Leader Muhammad and upon all his Relations and Friends*” (*Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* Perenggan pertama *preamble*).

Perlu ditegaskan bahawa *preamble Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* itu mempunyai signifikan undang-undang tersendiri kerana ia

merakamkan kesinambungan posisi Sultan Terengganu sebagai pemegang amanah kedaulatan milik Allah SWT. Ini adalah seperti diperhatikan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* dimulai dengan ayat “*In the name of GOD*” (terjemahan bagi Allah SWT yang digunakan dalam versi Bahasa Inggeris, lihat teks bahasa Melayu) dan *Al-Wathiqu Billah* (yang bermaksud, yang berpegang pada Allah). Seterusnya dinyatakan dalam *Preamble* yang sama, “DAN OLEH KERANA mustahaklah KITA menambah dan meluaskan Undang-undang Bagi Diri Kerajaan tahun 1911:” Kuasa tersimpan yang diperuntukkan melalui Fasal 63 tadi menjamin kuasa tersimpan (*reserve powers*) Sultan Terengganu, antaranya baginda berhak untuk menolak nasihat pihak eksekutif di bawah Fasal 12(1A) dan badan perundangan di bawah Fasal 36 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Pertama)* walaupun keputusan-keputusan itu bersifat syura sekiranya ianya bercanggah dengan hukum syarak, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* dan undang-undang berkaitan. Prerogatif sedemikian antaranya diperuntukkan kepada baginda seperti dinyatakan dalam Fasal 23BA *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bahagian Kedua)* berhubung dengan nasihat Dewan Pangkuan Diraja:

Sultan boleh secara muktamad bertindak berlawanan dengan nasihat atau pendapat yang telah diberikan kepada Baginda oleh ahli dewan Pangkuan DiRaja Terengganu jika, dalam apa-apa hal, tindakan itu pada pendapat baginda adalah betul dan dalam keadaan sedemikian, mana-mana ahli dewan Pangkuan DiRaja Terengganu berhak menghendaki supaya direkodkan dalam minit mesyuarat apa-apa nasihat atau pendapat yang mungkin telah diberikan oleh beliau dan alasan bagi nasihat atau pendapat itu.

Selain itu, Peruntukan di atas itu membenarkan pentafsiran bahawa Sultan Terengganu masih memiliki kuasa tersimpan. Kuasa tersimpan itu pastinya perlu dilaksanakan selari dengan konsep kedaulatan watan, bahawa sultan itu adalah bayangan Allah di atas bumi, berposisi sebagai khalifah. Justeru baginda mempunyai ‘*inherited jurisdiction*’ untuk menolak penggubalan undang-undang atau keputusan eksekutif yang bercanggah dengan syarak. Dalam Fasal 36 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua)* juga menyebut tentang hak-hak kelebihan, kuasa-kuasa dan kekuasaan Sultan Terengganu adalah tersimpan. Maka jelaslah, kesemua peruntukan di atas dapat dijadikan alasan kukuh yang memberi legitimasi kepada pemakaian kedaulatan watan.

Kelangsungan kedaulatan watan dalam *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* tidaklah kerana ia digubal selepas Perjanjian Negeri 1948 setelah Malayan Union dibatalkan. Kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam pada hakikatnya diwarisi daripada perlembagaan bertulis terlebih awal dalam bentuk moden iaitu *Itqanul Muluk*.

### ***Itqan al-Muluk***

Nama rasmi *Itqan al-Muluk* boleh dikenal pasti dengan meneliti muka hadapannya yang berbunyi: “maka telah kita namakan ia *Itqan al-Muluk bi al-Ta’dil al-Suluk*, yang melengkapi di dalamnya satu mukadimah dan 52 fasal dan satu khatimah” (Lihat, Muqaddimah *Itqan al-Muluk bi al-Ta’dil al-Suluk*, Arkib Negara Malaysia. Disalin pada 15 Mac 2009).

*Itqan al-Muluk* merupakan undang-undang tubuh yang digubal, ditandatangani dan dimasyhurkan sebagai sebuah perlembagaan Kerajaan Melayu Terengganu pada 11 Zul Kaedah 1329H (bersamaan 2 November 1911M) oleh Sultan Zainal Abidin Shah III dan para pembesar kerajaan Terengganu yang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan ulama. *Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk* diterjemahkan sebagai “Kesungguhan Raja Menyempurnakan Perjalanan Pemerintahan Yang Adil. Terdapat dua pemerintah utama dalam sejarah Terengganu yang sering dikaitkan dengan penggubalan *Itqan al-Muluk*. Pertama, Sultan Baginda Omar (1831, 1839-1876), dan Kedua, Sultan Zainal Abidin III (1881-1918).

Sultan Baginda Omar memainkan peranan dalam pelaksanaan hukum-hakam Islam ialah kerana baginda mengadakan Mahkamah Balai. Sultan Zainal Abidin III pula merupakan pemerintah yang menjadi roda penggerak penggubalan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu itu sendiri. Kedua orang pemerintah Terengganu ini mempunyai hubungan amat akrab dengan para ulama'. Dalilnya, Baginda Omar berguru dengan Tok Sheikh Haji Wan Abdul Qadir Bukit Bayas, Tok Sheikh Haji Wan Abdullah Duyong dan Tok Ku Tuan Besar. Begitu juga apabila Sultan Zainal Abidin III menuntut ilmu agama dengan al-Mufti Haji Wan Muhammad bin Tok Syeikh Duyong dan Tok Ku Paloh (Muhammad Abu Bakar 1991). Sejak penubuhan Institusi Kesultanan Terengganu pada awal abad ke-18 lagi, walaupun baginda berposisi sebagai ketua agama Islam, Sultan Terengganu sentiasa dikelilingi oleh tokoh-tokoh ulama besar. Antara ulama'-ulama' yang menandatangani *Itqanul Muluk* adalah Engku Syed Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh), Tuan Dalam Syed Mustafa bin Muhammad al-Idrus, Haji Wan Muhammad Salleh bin Muhammad, Haji Wan Muhammad Salleh bin Ismail, Haji Wan Sulaiman bin Daud, Haji Ngah Muhammad bin Yusuf dan Encik Nik Muhammad bin Hitam.

Dalam *Itqan al-Muluk* terdapat banyak peruntukan yang secara jelas dan tuntas melestarikan kedaulatan watan dalam pemerintahan Kerajaan Melayu Terengganu. Aspek-aspek di atas terkandung seperti berikut:

*Pemerintah itu adalah ketua sebuah kerajaan merdeka:*

Bukti perundangan yang menunjukkan Sultan Terengganu seorang ketua kerajaan berdaulat dan merdeka, selain daripada hakikat bahawa bagindalah yang menandatangani setiap perjanjian atau triti penting bagi Kerajaan Melayu Terengganu, dapat juga disaksikan melalui peruntukan-peruntukan *Itqan al-Muluk*, iaitu:

1. *Mukadimah* menyatakan:  
“Maka adalah kita Zainal Abidin Al-Sultan Ibni Al-Sultan Ahmad Al-Marhum yang mempunyai hak dan memiliki dan memerintah Kerajaan Terengganu dengan hukum kerajaan kita serta dengan *ittifaq* ahli-ahli Jemaah Menteri...”
2. Fasal 8 menyatakan:  
“Sesungguhnya sekalian kuasa negeri dan kerajaan semuanya pada raja tetapi lazim dan mustahaklah raja itu bermesyuarat dengan segala menteri-menteri atas apa-apa pekerjaan dan peraturan undang-undangnya.”

3. Fasal 10 menyatakan :  
“Maka ada kuasa bagi Raja jikalau suka dia boleh memberi hukum sendiri di atas segala pegawai-pegawai yang memegang jawatan Negeri atau di atas rakyat Negeri maka lain-lain orang tidak boleh sekali-kali memberi hukum atau perintah di atas mereka itu melainkan kepala-kepala yang telah ditentukan bagi pekerjaan itu sahaja.”

*Pemerintahnya mengekalkan agama Islam sebagai anutan:*

1. Dalam Fasal 1(8) menyatakan:  
“Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut Menteri-menteri dan Ketua-ketua ialah yang dinamakan dia pada *syarak ahli alhillu wal ‘aqdu* yakni orang yang boleh bersuara di dalam pekerjaan memilih menjadikan Raja dan dalam perkara yang besar-besar.”
2. Fasal 5 menyatakan:  
“Maka jikalau ketiadaanlah pula daripada sekalian keturunan yang tersebut dalam Fasal Yang Ketiga dan Yang Keempat..... maka terpulanglah hal pada memilih dan mengangkat menjadikan Raja itu kepada maklum fikiran dan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Menteri dan ahli *alhillu wal ‘aqdu* tetapi disyaratkan yang dipilih dan dijadikan Raja itu seorang lelaki yang cukup umurnya dan sempurna akalnya yang beragama Islam daripada bangsa Melayu Terengganu dan rakyat Terengganu dan daripada darah daging yang merdeka lagi diakui dengan sah dan halal dan baik pengetahuannya boleh membaca dan menyurat, menulis bahasanya dan mempunyai perangai yang baik dan tingkah laku yang kepujian. Maka jikalau yang dipilih dan diangkat jadikan Raja itu yang lain daripada tertib dan syarat-syarat yang tersebut itu maka tiadalah lulus dan tiada sah.”
3. Fasal 25 menyatakan:  
“Maka hendaklah tiap-tiap menteri itu mengangkat sumpah yang disahkan... Adalah sumpah itu menyatakan diri mereka itu sebenarnya beragama Islam dan daripada rakyat Terengganu serta mengaku taat dan bersetia dengan raja dan kerajaan.”

*Pemerintahnya naik takhta atas syura dan bai’ah:*

Pertabalan Sultan Terengganu yang pertama disempurnakan oleh ulama, iaitu Qadi Besar Haji Wan Imam Mahmud bin al-Faqih Wan Hasan, bahkan menjadi adat Melayu Terengganu melantik para ulama’ sebagai penasihat baginda dan dijadikan pembesar-pembesar kerajaan (Buyong Adil 1974; Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009). Pelantikan Sultan Terengganu dibuat atas prinsip syura dan bai’ah. Meskipun menurut adat Melayu Terengganu seorang ganti boleh ditunjukkan oleh sultan yang sedang memerintah, namun itu termasuk dalam perkara-perkara besar dalam bidang kuasa *alhillu wal ‘aqdu* (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009). *Itqan al-Muluk* memperuntukkan syarat di atas dengan jelas seperti berikut:

1. Fasal 1(8) menyatakan:  
 “Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut Menteri-menteri dan Ketua-ketua ialah yang dinamakan dia pada syarak ahli *alhillu wal ‘aqdu* yakni orang yang boleh bersuara di dalam pekerjaan memilih menjadikan Raja dan dalam perkara yang besar-besar.”
  
2. Fasal 5 menyatakan:  
 “Maka jikalau ketiadaanlah pula daripada sekalian keturunan yang tersebut dalam Fasal Yang Ketiga dan Yang Keempat..... maka terpulanglah hal pada memilih dan mengangkat menjadikan Raja itu kepada maklum fikiran dan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Menteri dan *ahli alhillu wal ‘aqdu* tetapi disyaratkan yang dipilih dan dijadikan Raja itu seorang lelaki yang cukup umurnya dan sempurna akal nya yang beragama Islam daripada bangsa Melayu Terengganu dan rakyat Terengganu dan daripada darah daging yang merdeka lagi diakui dengan sah dan halal dan baik pengetahuannya boleh membaca dan menyurat, menulis bahasanya dan mempunyai perangai yang baik dan tingkah laku yang kepujian. Maka jikalau yang dipilih dan diangkat jadikan Raja itu yang lain daripada tertib dan syarat-syarat yang tersebut itu maka tiadalah lulus dan tiada sah.”
  
3. Fasal 25 menyatakan:  
 “Maka hendaklah tiap-tiap menteri itu mengangkat sumpah yang disahkan... Adalah sumpah itu menyatakan diri mereka itu sebenarnya beragama Islam dan daripada rakyat Terengganu serta mengaku taat dan bersetia dengan raja dan kerajaan”.

*Pemakaian prinsip kedaulatan watan:*

*Itqan al-Muluk* secara tegas memperuntukkan agama bagi Kerajaan Melayu Terengganu dan menetapkan ciri-ciri kedaulatan atas premis Islam. Pengekalan konsep kedaulatan watan iaitu sultan berposisi sebagai seorang pemegang amanah atau khalifah dapat dijelaskan seawal titah pembukaan *Itqan al-Muluk* yang dimulai dengan lafaz basmalah dan diikuti dengan ucapan bermaksud:

“Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang pada kekuasaanNya pemerintahan agung dan bagiNya kekuasaan atas setiap perkara, seterusnya selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang menyampaikan berita gembira dan peringatan, dan ke atas ahli keluarga baginda serta para sahabat baginda umpama bintang-bintang yang memberi pertunjuk dan penyuluh-penyuluh yang bercahaya, adapun selepas itu bertitahlah sultan yang bertawassul dengan junjungan besar, yakni sultan yang berpegang dengan Allah Tuhan Maha Kuat lagi Maha Perkasa, Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga Yang di-Pertuan Besar Raja di atas takhta singgahsana Kerajaan Negeri Terengganu dan sekalian daerah jajahan takluknya”.

1. Seterusnya ciri-ciri dan prinsip-prinsip perlembagaan yang mendukung kedaulatan watan dijelaskan melalui peruntukan-peruntukan berikut: Mukadimah *Itqan al-Muluk* menyatakan Raja tertakluk pada undang-undang dan pemerintahan yang adil:
 

“A’lam dengan hukum kerajaan kita telah kita tetap dan lazimkan di atas kita dan ganti-ganti kita dan di atas kamu sekalian dengan memakai dan mengikut taat dan menjunjung akan barang yang tersebut dan terkandung di dalam undang-undang ini sekaliannya kerana sekalian yang tersebut di dalam undang-undang ini semuanya benar lagi betul dan tetap bagi negeri dan kerajaan kita maka zalim dan salah dan derhakahlah di atas siapa-siapa orang yang enggan dan yang mungkar melawan akan ia.”
2. Fasal 51 menyatakan Islam sebagai agama bagi Kerajaan Melayu Terengganu:
 

“Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiyyah Malayuwiyah ialah yang dikatakan ugama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang ugama lain menjadi atau disebut ugama negeri sekalipun banyak segala bangsa dan ugama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.”
3. Fasal 1(8) menyatakan peranan Jemaah Pangkuan Negeri dan amalan syura dalam memutuskan urusan pemilihan ganti raja dan hal-ehwal mustahak kerajaan:
 

“Jemaah Pangkuan Negeri, iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut Menteri-menteri dan Ketua-ketua ialah yang dinamakan dia pada *syarak ahli alhillu wa al-aqdu* yakni yang boleh bersuara di dalam pekerjaan memilih menjadikan raja dan dalam perkara yang besar-besar.”
4. Fasal 23 menyatakan bidang kuasa menteri-menteri sebagai penolong penolong sultan dalam pelaksanaan pemerintahan kerajaan:
 

“Maka adalah menteri-menteri itu dijadikan mereka itu pegawai-pegawai besar kerajaan dengan titah perintah raja menyebut dan menerangkan yang demikian itu supaya mengesahkan pangkat-pangkat martabat dan segala *wazifah* mereka itu maka jadilah mereka itu penolong dan timbalan yang khas bagi raja pada segala pekerjaan dan apabila sudah ditentukan *wazifah* mereka itu maka tertanggunglah segala hal ehwal *wazifah* itu di atas mereka itu sendiri.”
5. Fasal 37 menyatakan penubuhan badan perundangan dan nasihat am sebagai syura untuk membantu sultan menggubal undang-undang, polisi-polisi kerajaan dan mendengar usul-usul bagi masalah negeri dan rakyat:
 

“Adapun mesyuarat kerajaan itu ialah dikatakan timbalan yang am bagi raja, maksudnya membantu akan raja dan Jemaah Menteri pada mentadbirkan negeri dan rakyat serta membuat-meminda atau menambahkan undang-undang dan peraturan melainkan agama dan hukum Syarak dan memikirkan hal membukakan negeri dan mengimarahkan dia dan memberi ikhtiar yang baik pada menerbitkan hasil dan membanyakkan perniagaan dan membaikkan akan hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi

mengekalkan aman di dalam negeri dan daerah takluk jajahan Terengganu dan memelihara mahabah persabatan dan perdamaian dengan lain-lain kerajaan”.

6. Fasal 35 menyatakan keutamaan syura yang boleh mengakas keputusan sultan sekiranya Mesyuarat Kerajaan menimbang keputusan mereka itu perlu dilaksanakan demi keadilan dan masalah negeri:

“Maka jikalau tiada didapatkan kebenaran di atas pekerjaan atau perkara yang telah dimesyuaratkan itu maka bolehlah dibawa semula ke dalam Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain hingga sampai tiga kali maka jikalau tiada dibenarkan juga oleh raja maka tiadalah boleh dibawa lagi ke dalam mesyuarat itu sehingga satu tahun lamanya dan kemudian daripada setahun itu kelak bolehlah dibawa pula maka pada kali yang keempat ini jikalau ditetapkan oleh Mesyuarat Kerajaan seperti demikian itu juga timbangan di atas perkara itu maka haruslah boleh dibenarkan oleh raja kerana yang demikian itu tiadalah taksir lagi di atas raja”.

Selain daripada peruntukan-peruntukan di atas, terdapat amalan-amalan dan tatacara-tatacara pemerintahan sultan-sultan Terengganu (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009: 244-255) yang mengukuhkan pegangan bahawa seorang raja itu adalah bayangan Allah di atas muka bumi, atau secara ringkasnya pemegang amanah Ilahi. Contohnya, sungguhpun raja itu diakui sebagai pemerintah tertinggi namun *Itqan al-Muluk* menetapkan tegahan-tegahan ke atas raja dan menteri-menteri, bahkan raja dan menteri-menteri sebagai golongan pemerintah boleh terlucut daripada jawatan masing-masing jika sekiranya mereka pecah amanah atau melanggar larangan yang dinyatakan dalam Fasal 14 dan Fasal 26 *Itqan al-Muluk*. Fasal 46 *Itqan al-Muluk* pula menetapkan bahawa hendaklah dilaksanakan segala undang-undang dan adat-adat negeri dengan adil dan benar oleh segala mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan antara sekalian rakyat dan mereka yang mendiami di dalam negeri.

## JATI DIRI BANGSA

Konsep kedaulatan yang dijelaskan di atas adalah watan Terengganu. Kedudukan kedaulatan pada sisi undang-undang sivil dan syariat Nabi Muhammad SAW sebagai kuasa agung yang menentukan prinsip perlembagaan sesebuah negara atau kerajaan sudah jelas menggambarkan betapa ia merupakan teras pada jati diri. Pengertian ‘jati diri’ melangkaui takrifan ‘identiti.’ Identiti adalah pengenalan keperibadian secara luaran. Sebaliknya, pengertian ‘jati diri’ berpangkal pada perkataan ‘sejati,’ ‘tulen,’ ‘sebenar’ dan ‘asli.’ ‘Jati diri’ sesuatu bangsa menurut Taylor (1992) lazimnya dilihat pada aspek-aspek keagamaan, ketamadunan, ketinggian ilmu pengetahuan, bahasa, nilai, norma, keutuhan keperibadian dan ketatasusilaan tingkah-laku dan keberadaban yang menjadi teras simbol keperibadian seseorang individu, masyarakat dan bangsa. Penghayatan dan amalan aspek-aspek ini membezakan antara satu bangsa daripada bangsa lain.

Oleh kerana ia mengenai keunikan, maka dengan sendirinya jati diri adalah mengenai kelainan. Misalnya, menurut Connolly (2002: xiv), “*to confess a particular identity is also being to difference.*” Tambah Connolly (2002: xiv) lagi:

*An identity is established in relation to a series of differences that have become socially recognized. These differences are essential to its being. If they did not coexist as differences, it would not exist in its distinctness and solidity. Entrenched in this indispensable identities into fixed forms, though and lived as if their structure expressed the true order of thing. Identity requires difference in order to be, and it converts difference into otherness in order or secure its own self-certainty.*

Penyebutan ‘bangsa’ dalam penulisan ini adalah dalam pengertian ‘*nation*’. Konsep ‘bangsa’ yang diguna pakai dalam pengucapan lazim dan dalam dunia ilmiah pada hari ini adalah konsep baharu yang diambil dari pemikiran Barat. Ungkapan ‘bangsa’ membawa pengertian yang agak khusus iaitu harus melibatkan ‘*state*’ kerana ‘*state*’ merupakan faktor tetapnya (*indispensable factor*). Misalnya, menurut Anderson (1991) perbezaan antara ‘etnik’ daripada ‘bangsa’ bergantung kepada cara bagaimana kedua-duanya dijelmakan (*imagined*) berasaskan kerangka ‘*state*’ itu. ‘Etnik’ adalah komuniti (kumpulan manusia) yang dijelmakan dalam kerangka yang terhad iaitu darah keturunan, bahasa, kebudayaan, agama dan sebagainya yang ada pada sesuatu ‘jenis’ kumpulan etnik itu. Sebaliknya, ‘bangsa’ adalah entiti yang dijelmakan dalam kerangka ‘*state*’, tanpa mengambil kira darah keturunan sebagai syarat (Wan Ahmad Fauzi 2013).

Riggs (1985) menjelaskan bahawa ‘bangsa’ adalah satu entiti yang dibina oleh anggota-anggotanya yang merasakan mereka berada dalam satu komuniti yang terikat kepada unsur-unsur objektif dan subjektif. Menurut Riggs (1985), unsur-unsur objektif terdiri daripada segala unsur yang membentuk sesebuah ‘*state*’ (negara atau negeri) iaitu organisasi pemerintahan dan pentadbiran yang legitimat, wilayah politik, rakyat (atau warganegara) yang mendukung pemerintahan tersebut, undang-undang dan badan-badan pelaksana dan penguatkuasaan. Manakala unsur-unsur subjektif pula adalah terdiri daripada ‘kesedaran’ dan ‘kecintaan’ mendalam terhadap unsur-unsur objektif pada ‘*state*’ itu dengan sepenuh jiwa raga dan meletakkan kepentingan ‘*state*’ itu di atas segala-gala kepentingan sehingga sanggup berkorban nyawa demi kelangsungan survivalnya. Menurut Riggs (1985), perasaan beginilah yang dinamakan ‘nasionalisme’. Daripada perasaan beginilah terbinanya ‘negara-bangsa’ (*nation-state*).

Hobsbawm (1992) menekankan bahawa sesuatu bangsa itu adalah ‘warisan tradisi yang diciptakan’ bukan dalam kekosongan. Sebaliknya, sesuatu bangsa itu tercipta daripada satu set amalan-amalan yang dipandu, baik secara tersurat mahupun tersirat, oleh peraturan-peraturan yang diterima dan daripada ritual bersifat sifat simbolik yang memupuk nilai serta norma tingkah laku tertentu secara lazim, menggambarkan kelestarian dengan masa lampau. Dengan perkataan lain, seperti mana ditegaskannya, amalan-amalan tersebut adalah kesinambungan sejarah. Berdasarkan takrifan di atas, amat jelas sekali bahawa kedaulatan watan seperti dihuraikan dalam penulisan ini berposisi sebagai teras kepada jati diri Terengganu.

## **KESIMPULAN**

Pemakaian konsep kedaulatan watan meletakkan jati diri Terengganu berteraskan Islam dan pemerintahan kerajaan berprinsipkan raja berperlembagaan, iaitu sultan berposisi sebagai pemegang amanah kedaulatan mutlak milik Allah SWT. Prinsip raja berperlembagaan bukanlah



satu bentuk pemerintahan yang baharu diperkenalkan apabila Persekutuan Tanah Melayu 1948 dimasyhurkan. Tafsiran Islam pada sisi kedaulatan watan adalah bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti yang dijelaskan oleh al-Maududi seperti dinyatakan di atas.

Sultan Terengganu sebagai ketua agama Islam negeri dan bertakhta sebagai pemerintah tertinggi adalah kunci utama pemeliharaan kedaulatan watan dalam *Itqanul Muluk* dan *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*. Berdasarkan dari sudut perspektif perundangan, amat jelas bahawa kedaulatan yang dimiliki oleh Sultan Terengganu itu berkonsepkan kedaulatan watan warisan Kesultanan Melayu Melaka. Justeru, prinsip perlembagaan yang mendasari polisi politik dan undang-undang Kerajaan Terengganu tersyarat dengan kedudukan baginda sultan sebagai khalifah Allah SWT. Konsep amanah Ilahi menuntut pelaksanaan dasar dan polisi kerajaan berlandaskan pada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Bertunjangkan pada teras tersebut, pemerintahan kesultanan perlu dipelihara dan dijunjung tinggi kerana masalah rakyat keseluruhannya, tanpa mengira agama, keturunan dan taraf hidup terletak pada amanah yang dipegang oleh seorang sultan. Pemakaian kedaulatan watan dalam kerangka perlembagaan Negeri Terengganu menunjukkan kedaulatan undang-undang dalam pemerintahannya berprinsipkan patuh syariah.

## RUJUKAN

- Aiyar, K.J. 1995. *Judicial Dictionary*. Allahabad: The law Book Company (P) Ltd.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1984. *A History of Malaysia*. Hong Kong: Macmillan Press.
- Anderson, B. 1991. *Imagined Communities*, London: Verso.
- A. Aziz Deraman. 2000. *Tamaddun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Black's Law Dictionary*. 1990. Ed. ke-6. New York: Springer.
- Bouvier, J. 1856. Bouvier Law Dictionary 1856 Edition, [www.constitution.org](http://www.constitution.org) [15 November 2016].
- Buyong Adil. 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connolly, W.E. 2002. *Identity/Difference: Democratic Negotiations of Political Paradox*. Minneapolis: University of Minneapolis Press.
- Farid Sufian Shuaib Suffian, Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia; Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Hobsbawm, E. & Ranger, T.O. 1992. *The Invention of Tradition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk*, Arkib Negara Malaysia. (Disalin pada 15 Mac 2009).
- Kennedy, J.A. 2007. *History of Malaya*. Ulang cetak. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co.
- Liaw, Yock Fang (pngr.). 2003. *Undang-Undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Lopez, C. 2001. The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 19: 3-33.
- Mackeen, A.M.M. 1969. *Contemporary Islamic Legal Organization In Malaya*. Monograph Series No.13. Yale: Southeast Asian Studies, Yale University.
- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Ed. Coffee Table. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

- Mohd Idrus Jusi. 1975. Islam dan Beberapa Pengaruh dalam Sistem Politik Melayu Tradisi. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah sesi 1974/75. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar (pnyt). 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Terengganu: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusof Hashim. 1992. *The Malay Sultanate of Malacca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riggs, F. (Ed.). 1985. *Ethnicity: Intercocta Gloassary, Concepts and Term Used in Ethnicity Research in International Encyclopedia for The Social Sciences*, Jil. 1. Hawaii: University of Hawaii.
- Stockwell, A.J. 1979. *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*. Monograf No. 8. Kuala Lumpur: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
- Taylor. 1992. The politics of recognition, Dlm. Gutterman, A. & Taylor, C. (Ed.). *Multiculturalism and The Politics of Recognition*. Princeton: Princeton University Press.
- Wan Ahmad Fauzi Hashim@ Wan Husain. 2017. Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi. 29 *KANUN (2) JULAI 2017: 41-73*.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam Agama Bagi Persekutuan Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika 87(3), Oktober 2017: 179-195*.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2013. Rekonfigurasi Epistemologi Jati Diri Melayu dan Manifestasinya ke atas Silat Seni Gayong. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. *Jurisprudens Watan Sejarah Perlembagaan Malaysia: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka